

24/08/2003

'Umno tidak akan mendominasi negara'

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam memberi jaminan bahawa Umno tidak akan mendominasi negara dengan membentuk sebuah kerajaan Umno meskipun jumlah kerusi Melayu di Parlimen cukup untuk berbuat demikian.

Perdana Menteri berkata, Umno mahu bekerjasama rapat dengan semua parti politik dalam komponen Barisan Nasional (BN) yang mewakili pelbagai kaum, bagi menentukan negara ini terus stabil, membangun dan membawa kesejahteraan kepada rakyat.

"Jadi tak perlulah kita berasa curiga terhadap mana-mana parti," katanya berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Nasional 2003 parti Gerakan di ibu pejabatnya di Cheras dekat sini, semalam.

Katanya, kerajaan BN yang mempunyai majoriti dua pertiga sekarang, juga bukan kerajaan yang mahu popular, tetapi sebuah kerajaan yang pragmatik walaupun keputusan yang dibuat kadangkala tidak menyenangkan rakyat, tetapi baik untuk semua kaum.

Beliau yang juga Presiden Umno dan akan bersara Oktober ini berkata, oleh itu pemimpin Umno pada masa depan juga tidak mungkin akan berusaha untuk membentuk sebuah "kerajaan Umno" kerana ia parti yang bertanggungjawab.

Katanya, memang diakui bahawa Melayu adalah penduduk majoriti negara ini tetapi ia tidak tergamak untuk mengeneppikan kepentingan baki 40 peratus kaum lain.

"Tetapi dulu Umno sengaja meletak bilangan calon yang kurang daripada separuh kerusi yang dipertandingkan untuk Parlimen. Walaupun menang semua kerusi, kita masih minoriti, kita tak boleh bentuk kerajaan sendiri yang seratus peratus Melayu... kita masih perlu sokongan bukan Melayu seperti orang Cina, India, Iban dan sebagainya.

"Bagaimanapun selepas Sabah tubuhkan Umno, saya mengaku kini kita bertanding di lebih separuh kerusi di Parlimen. Secara teori kita boleh tubuh kerajaan sendiri tetapi saya ingin memberi jaminan, ia bukan niat Umno," katanya.

Beliau juga mahu parti Gerakan dan MCA bekerjasama rapat untuk menjamin kemenangan BN pada pilihan raya umum akan datang kerana kerjasama itu amat penting.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir menolak andaian kononnya perebutan kerusi berlaku dengan sengit di kalangan parti komponen khususnya di antara Gerakan dan MCA di Pulau Pinang.

"Ya, berebut taklah begitu teruk sangat. Kita akan selesaikan yang ini. Biasanya bila kita dah buat keputusan, saya yakin semua akan patuh," katanya sambil menyatakan bahawa kajian kemungkinan pertukaran kerusi akan dilakukan.